



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMERIKSA DAGING (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEMERIKSA DAGING
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.1-2-3 EB.4-5 \$530 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC/BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2)* dalam bidang *Crop and Livestock Production* atau bidang bersesuaian.


ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berbolehan dalam bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
3. Berkebolehan mengendali komputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (*ICT*) adalah merupakan satu kelebihan.
4. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam pengurusan dan pemeliharaan ternakan adalah diutamakan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan kerja-kerja pemantauan dan pemeriksaan *post-mortem* dan *ante/mortem* di ladang-ladang ternakan;
2. Menjalankan tugas pemantauan dan pengawasan serta lawatan di ladang-ladang dan tempat-tempat penyembelihan ternakan;
3. Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan ternakan sebelum dan selepas disembelih;
4. Merekodkan bilangan kemasukan dan penyembelihan ternakan dipusat penyembelihan;
5. Memantau kebersihan rumah penyembelihan;
6. Mengambil dan menghantar sampel (*swab* dan *product*) ke makmal veterinar;
7. Menyediakan laporan penyembelihan termasuk laporan bulanan, suku dan tahunan; dan
8. Menerima dan melaksanakan tugas atau arahan yang lain yang diberikan dari semasa ke semasa.